



## SIARAN AKHBAR

### KENYATAAN DASAR AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD) 2/2017

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini mengeluarkan Kenyataan Dasar AMBD bagi separuh tahun kedua (berakhir Disember) 2017.
2. Di dalam Kenyataan Dasar 2/2017, AMBD menyatakan bahawa data awal menunjukkan ekonomi global terus berkembang pada separuh kedua. Ekonomi domestic juga menunjukkan perkembangan sebanyak 0.7% tahun-ke-tahun pada suku kedua 2017 berikutan perkembangan kedua-dua sektor minyak dan gas dan sektor bukan minyak dan gas. Inflasi domestik pada 2017 dijangka berada dalam lingkungan -0.2% ke 0.1%.
3. AMBD juga menyatakan bahawa penunjuk kekuahan kewangan (*financial soundness indicators*) yang utama bagi industri perbankan berada pada tahap yang baik walaupun dalam persekitaran global yang mencabar. AMBD akan secara berterusan meneliti dan memantau semula persekitaran regulatorinya bagi memastikan kestabilan kewangan serta perkembangannya.
4. Dalam mencapai objektif AMBD untuk menaiktaraf rangka kerja regulatori selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, AMBD akan meningkatkan lagi keupayaan pengawalseliaannya melalui peningkatan piawaian penyediaan laporan, undang-undang, amalan terbaik penyeliaan dan rangka kerja pengawalseliaan am.
5. AMBD juga akan terus melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah mencapai aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membangunkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah pusat kewangan Islam yang bereputasi tinggi.
6. Kenyataan Dasar AMBD 2/2017 yang lengkap boleh didapati di laman web AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Date: 4 Rabiulakhir 1439H/ 22 December 2017M

Ref No: AMBD/COMMS/3